

AUG 2000

Mahathir-Palestin

MALAYSIA TETAP IKTIRAF PALESTIN NEGARA BEBAS, KATA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 15 Ogos (Bernama) -- Malaysia tetap mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negara bebas dan akan menghantar wakilnya ke sana sebaik sahaja mereka membuat pengisytiharan kemerdekaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

Kita terima wakil mereka sebagai duta di Malaysia dan kita akan hantar wakil kita ke Palestin bila sahaja mereka membuat pengisytiharan kemerdekaan kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas dikunjungi Presiden Palestin Yasser Arafat di pejabatnya di sini hari ini

Arafat tiba hari ini untuk lawatan singkat bagi mendapatkan sokongan Malaysia berhubung kemerdekaan Palestin pada 13 Sept ini

Dr Mahathir berkata beliau yakin kebanyakan negara akan mengiktiraf kebebasan Palestin sebagai negara merdeka

Rombongan Arafat seramai tujuh orang termasuk dua menteri -- Menteri di Pejabat Presiden Taib Abdul Rahim dan Menteri Negara Hassan Asfour

Malaysia merupakan penyokong kuat perjuangan Palestin. Kuala Lumpur juga menyokong pembentukan negara Palestin yang bebas dan berdaulat dengan Al-Quds

Al-Sharif (Baitulmuqqadis) sebagai ibu negaranya

Mengenai perbincangannya dengan Arafat, Dr Mahathir berkata Presiden Palestin itu menjelaskan keadaan sebenar apa yang berlaku dalam rundingan di Camp David bulan lepas

Rundingan yang melibatkan Perdana Menteri Israel Ehud Barak dan Presiden Clinton di kawasan percutian pemimpin Amerika itu gagal mencapai sebarang hasil

disebabkan pertikaian mengenai status Baitulmuqqadis dan pelarian Palestin

Arafat kini menjelajah ke seluruh dunia untuk mendapatkan sokongan bagi menisytiharkan negara Palestin ekoran kegagalan rundingan di Camp David

Setakat ini beliau telah melawat China, Perancis, Norway, Pakistan, Rusia dan beberapa negara Arab dan Eropah

Pemimpin berusia 71 tahun itu telah beberapa kali melawat Malaysia untuk mendapatkan sokongan Kuala Lumpur terhadap perjuangan Palestin untuk

menubuhkan sebuah negara bebas selain mewujudkan keamanan di rantau berkenaan

Kali terakhir beliau datang ialah pada Oktober 1999

Mengenai pertemuan dengan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew sebelum itu, Dr Mahathir berkata antara yang dibincangkan ialah isu-isu antarabangsa

serta juga mengenai Putrajaya

Kita juga membincangkan mengenai hubungan dua hala. Perbincangan berlangsung) secara serius juga tetapi friendly," katanya

Petang tadi Lee menyifatkan pertemuan dua jam dengan Dr Mahathir itu sebagai positif

BERNAMA --

RZS RZS MAI